(*a*) Ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{x}$ dan/atau $\underset{\sim}{y}$
Express in terms of $\underset{\sim}{x}$ *and/or* $\underset{\sim}{y}$

(i) $\overrightarrow{OS}$,

(ii) $\overrightarrow{PQ}$.

[3 *markah*]
[3 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa $\overrightarrow{OR} = m\overrightarrow{OS}$ dan $\overrightarrow{PR} = n\overrightarrow{PQ}$, ungkapkan $\overrightarrow{OR}$ dalam sebutan
Given that $\overrightarrow{OR} = m\overrightarrow{OS}$ *and* $\overrightarrow{PR} = n\overrightarrow{PQ}$, *express* $\overrightarrow{OR}$ *in terms of*

(i) *m*, $\underset{\sim}{x}$ dan/atau $\underset{\sim}{y}$,
m, $\underset{\sim}{x}$ *and/or* $\underset{\sim}{y}$,

(ii) n, $\underset{\sim}{x}$ dan/atau $\underset{\sim}{y}$.

n, $\underset{\sim}{x}$ *and/or* $\underset{\sim}{y}$.

Seterusnya, cari nilai-nilai m dan n.
Hence, find the values of m and n.

[5 *markah*]
[5 *marks*]

(c) Diberi bahawa $|\underset{\sim}{x}| = 3$ unit dan $|\underset{\sim}{y}| = 5$ unit, cari $|\overrightarrow{PQ}|$. [2 *markah*]

Given that $|\underset{\sim}{x}| = 3$ unit *and* $|\underset{\sim}{y}| = 5$ unit, *find* $|\overrightarrow{PQ}|$. [2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

9 Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y, yang diperoleh daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = \frac{a}{b^{x+1}}$, dengan keadaan a dan b adalah pemalar.

Table 1 *shows the values of two variables, x and y, obtained from an experiment. The variables x and y are related by the equation* $y = \frac{a}{b^{x+1}}$, *such that a and b are constants.*

x	1	2	3	4	5	6
y	4.0	5.7	8.7	13.2	20.0	28.8

Jadual 1
Table 1

(*a*) Plot $\log_{10} y$ melawan $(x+1)$, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi-$(x+1)$ dan 2 cm kepada 0.2 unit pada paksi-$\log_{10} y$.
Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik. [5 *markah*]
Plot $\log_{10} y$ *against* $(x+1)$, *using a scale of* 2 cm *to* 1 *unit on the* $(x+1)$*-axis and* 2 cm *to* 0.2 unit *on the* $\log_{10} y$*-axis.*
Hence, draw the line of best fit. [5 *marks*]

(*b*) Menggunakan graf di 9(*a*), tulis $y = \frac{a}{b^{x+1}}$, dalam bentuk linear, seterusnya cari nilai *a* dan nilai *b*. [5 *markah*]
Using the graph in 9(*a*), *write* $y = \frac{a}{b^{x+1}}$, *in linear form, hence, find the value of a and of b.* [5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

10 Rajah 8 menunjukkan sebuah silinder yang berjejari 4 cm mengandungi air yang parasnya setinggi 6 cm dituangkan dengan kadar yang malar ke dalam sebuah kon. Pada t saat, tinggi paras air dalam kon ialah x cm dan isipadu air dalam kon diberi oleh $V = \frac{1}{3}\pi x^3$ cm^3.

Diagram 8 *shows a cylinder with a radius of* 4 cm *containing water up to a height of* 6 cm *being poured at a constant rate into a cone. At t seconds, the height of the water level in the cone is* x cm, *and the volume of water in the cone is given by* $V = \frac{1}{3}\pi x^3$ cm^3.



Rajah 8
Diagram 8

Jika semua air dituangkan ke dalam kon dalam masa 4 saat, cari
If all the water is poured into the cone in 4 *seconds, find*

(*a*) isipadu asal air dalam silinder, [1 *markah*]
the original volume of water in the cylinder, [1 *mark*]

(*b*) kadar perubahan tinggi kon pada ketika tingginya ialah 3 cm, [4 *markah*]
the rate of change of the cone's height when its height is 3 cm, [4 *marks*]

(*c*) isipadu air dalam silinder pada masa 3 saat. [2 *markah*]
the volume of water in the cylinder at 3 *seconds.* [2 *marks*]

(*d*) masa yang diperlukan untuk ketinggian air dalam kon mencapai 5 cm. [3 *markah*]
the time required for the height of the water in the cone to reach 5 cm. [3 *marks*]

Scanned with CamScanner

Jawapan / *Answer* :

11 (*a*) Sebuah syarikat pembekal buah-buahan telah menghantar buah jambu ke dewan makan sebuah sekolah. Didapati bahawa 5% daripada jambu tersebut telah rosak.
A fruit supplier company has delivered guavas to a dining hall of a school. It was found that 5% of the guavas were rotten.

(i) Jika suatu sampel 10 biji buah jambu dipilih secara rawak, cari kebarangkalian tepat 9 biji adalah **elok**.
If a random sample of 10 guavas is chosen, find the probability that 9 of them are ***good****.*

(ii) Cari bilangan minimum jambu yang perlu dipilih supaya kebarangkalian untuk sekurang-kurangnya sebiji jambu rosak adalah lebih daripada 0.85.
Find the minimum number of guavas required to ensure the probability of having at least one rotten guava is more than 0.85.

[5 *markah*]
[5 *marks*]

(*b*) Jisim sebiji buah jambu tersebut adalah bertabur secara normal dengan min 320 g dan varians 225 g^2. Cari kebarangkalian buah jambu yang dipilih secara rawak mempunyai jisim
The weight of a guava is normally distributed with a mean of 320 g and a variance of 225 g^2. Find the probability of the weight of a randomly selected guava

(i) lebih daripada 330 g,
more than 330 g,

(ii) cari nilai *h* dengan keadaan 90% daripada jambu tersebut mempunyai jisim lebih daripada *h* g.
find the value of h such that 90% of the guavas have a weight greater than h g.

[5 *markah*]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian C

[20 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

12 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.
Solution by scale drawing is ***not*** *accepted.*

Rajah 9 menunjukkan sebuah sisi empat *PQRS*.
Diagram 9 shows a quadrilateral PQRS.



Rajah 9
Diagram 9

(*a*) Cari
Find

(i) panjang, dalam cm, bagi *PR*,
the length, in cm, *of PR*,

(ii) $\angle PRQ$.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

(*b*) (i) Dengan menggunakan rumus Heron, hitung luas, dalam cm^2, segi tiga *PRS*.
By using Heron's formula, calculate the area, in cm^2, *of the triangle PRS.*

(ii) Cari jarak terdekat, dalam cm, dari titik *R* ke garis lurus *PS*.
Find the shortest distance, in cm, *from point R to straight line PS.*

[4 *markah*]
[4 *marks*]

(c) Lakarkan $\Delta P'Q'R'$ yang mempunyai bentuk berbeza dari ΔPQR, dengan keadaan $QR' = QR$, $QP' = QP$ dan $\angle QPR' = \angle QPR$.
Seterusnya, nyatakan nilai bagi $\angle P'R'Q'$. [2 *markah*]

Sketch $\Delta P'Q'R'$ *which has a different shape from* ΔPQR, *such that* $QR' = QR$, $QP' = QP$ *and* $\angle QPR' = \angle QPR$.
Hence, state the value of $\angle P'R'Q'$. [2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

13 Jadual 2 menunjukkan maklumat berkaitan empat bahan utama dan sukatan yang digunakan oleh Cik Normah untuk membuat kuih boko ubi.
Table 2 shows information related to the four main ingredients and the amount used by Ms Normah to make kuih boko ubi.

Bahan *Ingredient*	**Harga per kg (RM)** *Price per kg (RM)*		**Indeks harga pada tahun 2024 berasaskan tahun 2021** *Price index in the year 2024 based on the year 2021*	**Sukatan yang digunakan (cawan)** *Amount used (cup)*
	2021	**2024**		
Santan *Coconut milk*	10.00	13.05	130.5	7
Ubi kayu *Tapioca*	2.50	3.00	120	m
Gula melaka *Brown sugar*	20.00	x	108	2
Tepung beras *Rice flour*	y	4.80	150	1

Jadual 2
Table 2

(*a*) Cari nilai bagi x dan y. [3 *markah*]
Find the value of x and of y. [3 *marks*]

(*b*) Indeks gubahan untuk kos membuat kuih boko ubi pada tahun 2024 dengan tahun 2021 sebagai tahun asas ialah 125.3.
Cari nilai bagi m. [3 *markah*]
The composite index for the cost of making kuih boko ubi in the year 2024 *based on the year* 2021 *is* 125.3.
Find the value of m. [3 *marks*]

(*c*) Kos untuk membuat sedozen bekas kuih boko ubi itu meningkat sebanyak 35% dari tahun 2024 ke tahun 2026. Harga jualan sedozen bekas kuih boko itu ialah RM72 dengan keuntungan sebanyak RM24 pada tahun 2026.
Hitung harga kos pembuatan bagi sedozen bekas kuih boko ubi pada tahun 2021. [4 *markah*]
The cost for making a dozen packs of kuih boko ubi increases by 35% *from the year* 2024 *to the year* 2026. *The selling price of a dozen packs of kuih boko ubi is* RM72 *with a profit of* RM24 *in the year* 2026.
Calculate the cost of making a dozen packs of kuih boko ubi in the year 2021. [4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

14 Penyelesaian secara lakaran graf **tidak** diterima.
Solution by graph sketching is **not** *accepted.*

Rajah 10 menunjukkan kedudukan awal dan arah pergerakan zarah P dan zarah Q. Kedua-dua zarah mula bergerak serentak.
Diagram 10 *shows the initial position and direction of motion of particle P and particle Q. Both particles start moving simultaneously.*



Rajah 10
Diagram 10

Halaju bagi zarah P, v_P ms^{-1}, diberi oleh $v_P = 3 + 5t - 2t^2$ dengan keadaan t ialah masa dalam saat selepas zarah P melalui titik A manakala zarah Q bergerak dengan halaju malar -4 ms^{-1}. Zarah P berhenti seketika pada titik C. Jarak di antara titik A dan titik B ialah 28 m.
The velocity of particle P, v_P ms^{-1}, *is given by* $v_P = 3 + 5t - 2t^2$, *where t is time in seconds after particle P passes through point A while particle Q moves with a constant velocity of* -4 ms^{-1}. *Particle P stops instantaneously at point C. The distance between point A and point B is* 28 m.

[Anggapkan gerakan ke arah kanan sebagai positif]
[*Assume motion to the right is positive*]

(*a*) Hitung halaju maksimum bagi zarah P, ms^{-1}. [3 *markah*]
Calculate the maximum velocity of particle P, ms^{-1}. [3 *marks*]

(*b*) Hitung jarak , dalam m, di antara zarah P dan zarah Q pada ketika zarah P berada di titik C. [5 *markah*]
Calculate the distance, in m, *between particle P and particle Q when particle P at point C.* [5 *marks*]

(*c*) Bentukkan persamaan dalam sebutan t, apabila zarah P dan zarah Q bertemu. [2 *markah*]
Form the equation in terms of t, when particle P and particle Q meets. [2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

15 Satu pusat tuisyen menawarkan dua pakej, A dan K, untuk murid tingkatan empat. Bilangan murid untuk pakej A dan K ialah masing-masing x orang dan y orang. Pengambilan murid adalah berdasarkan kepada kekangan berikut:
A tuition centre offers two different packages, A and K, for form 4 *pupils. The number of pupils for package A and K are x and y respectively. The intake of the pupils is based on the following constraints*:

I Jumlah bilangan murid yang mendaftar pakej A dan K tidak lebih daripada P orang.
The total number of pupils total number of pupils enrolled for package A and K is not more than P.

II Bilangan murid untuk pakej A tidak lebih daripada dua kali bilangan murid untuk pakej K.
The number of pupils for package A is not more than twice the number of pupils for package K.

III Bilangan murid untuk pakej K mesti melebihi bilangan murid untuk pakej A sebanyak selebih-lebihnya 10 orang.
The number of pupils for package K must exceed the number of pupils for package A by at most 10 *pupils.*

(*a*) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas. [3 *markah*]
Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$, *which satisfy all the above constraints.* [3 *marks*]

(*b*) Kekangan yang pertama diwakili oleh garis lurus dalam graf yang ditunjukkan. Nyatakan nilai P. [1 *markah*]
The first constraint is represented by the straight line in the graph shown. State the value of P. [1 *mark*]

(*c*) Pada graf, bina dan lorek rantau ***R*** yang memenuhi ketiga-tiga kekangan itu. [2 *markah*]
On the graph, construct and shade the region ***R*** *which satisfies all of the three constraints.* [2 *marks*]

(*d*) Menggunakan graf yang dibina di **15**(*c*), cari
Using the graph constructed in **15**(*c*), *find*

(i) julat bilangan murid pakej K jika bilangan murid pakej A ialah 20 orang.
the range of the number of students for package K if the number of students for package A is 20,

(ii) jumlah yuran maksimum sebulan yang boleh dikutip jika yuran sebulan untuk pakej *A* dan *K* masing-masing adalah RM120 dan RM100.
the maximum total fees per month that can be collected if the fees per month for package A and K are RM120 *and* RM100 *respectively*.

[4 *markah*]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Kertas graf untuk Soalan 15

Graph paper for Question 15



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SELANGOR SET1 K1

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

NAMA ..... TINGKATAN .....

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5 3472/1

MATEMATIK TAMBAHAN

Kertas 1

2 jam

3472/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.*
6. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
7. *Kerja mengira* **mesti** *ditunjukkan.*
8. *Jadual Kebarangkalian Hujung Atas Q(z) Bagi Taburan Normal N(0,1) disediakan di halaman* **4**.
9. **Kertas peperiksaan** *ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	4	
2	4	
3	5	
4	7	
5	7	
6	5	
7	4	
8	8	
9	7	
10	3	
11	5	
12	5	
JUMLAH	**64**	
BAHAGIAN B		
13	8	
14	8	
15	8	
JUMLAH	**16**	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Bahagian A

[64 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Rajah 1 menunjukkan sektor *OPR* berpusat *O* yang terterap di dalam trapezium *OPQR*.
Diagram 1 *shows a sector OPR with centre O inscribed in a trapezium OPQR.*



Rajah 1
Diagram 1

[Guna / *Use* $\pi = 3.142$]

(*a*) Tunjukkan bahawa $\theta = 0.948$ radian.
Show that $\theta = 0.948$ *radian.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Seterusnya, hitung panjang lengkok *PR*.
Hence, calculate the length of arc PR.

[2 markah]
[2 *marks*]

2 Rajah 2 menunjukkan graf $\ln y$ melawan x.

Diagram 2 shows the graph of $\ln y$ *against* x.



Rajah 2
Diagram 2

Pemboleh ubah x dan y dihubungkan dengan persamaan $y = e^{4x-1}$.
Cari nilai p dan q.

The variables x and y are related by the equation $y = e^{4x-1}$.
Find the value of p and of q.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

3 (*a*) Tentukan sama ada jujukan berikut ialah janjang geometri atau bukan. Beri justifikasi anda.

Determine whether the following sequence is a geometric progression or not. Give your justification.

$$6\pi, 9\pi, 12\pi, 15\pi, \ldots.$$

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Jika a ialah sebutan pertama dan r ialah nisbah sepunya bagi suatu janjang geometri, tunjukkan bahawa hasil tambah n sebutan pertama bagi janjang itu ialah

If a is the first term and r is the common ratio of a geometric progression, show that the sum of the first n terms of the progression is

$$S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r - 1}$$

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

4 (*a*) Alvin menjalani dua sesi latihan larian. Dalam setiap sesi, Alvin berlari sejauh 5 km. Pada sesi pertama, Alvin berlari dengan laju purata x kmj^{-1}. Pada sesi kedua, Alvin mengurangkan laju puratanya sebanyak 2 kmj^{-1}, dan menamatkan latihan itu 3 minit lebih lambat berbanding dengan sesi pertama. Hitung laju purata Alvin pada sesi yang pertama. (Berikan jawapan anda betul kepada empat angka bererti.)

Alvin undergoes two running training sessions. In each session, Alvin runs for a distance of 5 km. *In the first session, Alvin runs at an average speed of* x kmh^{-1}. *In the second session, Alvin decreases his average speed by* 2 kmh^{-1}, *and finishes the training* 3 *minutes later compared to the first session. Calculate Alvin's average speed in the first session.*
(*Give your answers correct to four significant figures.*)

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Diberi α dan β ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $3x^2 - 4x + 9 = 0$.
Cari persamaan kuadratik baharu yang mempunyai punca-punca $\frac{1}{\alpha}$ dan $\frac{1}{\beta}$. Berikan jawapan anda dalam bentuk $ax^2 + bx + c = 0$ dengan keadaan a, b dan c ialah integer.

Given α *and* β *are the roots of the quadratic equation* $3x^2 - 4x + 9 = 0$.
Find the new quadratic equations which have the roots $\frac{1}{\alpha}$ *and* $\frac{1}{\beta}$. *Give your answer in the form of* $ax^2 + bx + c = 0$ *where* a, b *and* c *are integers.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

5 (*a*) Tentukan sama ada kuantiti di bawah adalah kuantiti skalar atau kuantiti vektor. Berikan justifikasi anda.

Determine whether the quantity below is a scalar quantity or a vector quantity. Give your justification.

Semasa pendaratan di atas tanah, ahli payung terjun membengkokkan kaki. Dengan cara ini, dapat mengurangkan daya impuls dengan memanjangkan masa hentaman kaki dengan tanah.
During landing on the ground, paratroopers bend their legs. In this way, it is possible to reduce the impulse force by extending the impact time of the foot with the ground.

[1 markah]
[1 *mark*]

(*b*) Rajah 3 menunjukkan segi tiga *OPR*. Garis lurus *OQ* dan *PS* bersilang pada titik *T*.

Diagram 3 *shows a triangle OPR. The straight lines OQ and PS intersect at point T.*



Rajah 3
Diagram 3

Diberi bahawa $5\overrightarrow{OT} = 2\overrightarrow{OQ}$, $8\overrightarrow{PQ} = 3\overrightarrow{PR}$, $\overrightarrow{PR} = 8\underset{\sim}{x}$ dan $\overrightarrow{OP} = \underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{PS} = k\overrightarrow{PT}$, $\overrightarrow{OS} = h\overrightarrow{OR}$.
It is given that $5\overrightarrow{OT} = 2\overrightarrow{OQ}$, $8\overrightarrow{PQ} = 3\overrightarrow{PR}$, $\overrightarrow{PR} = 8\underset{\sim}{x}$ *and* $\overrightarrow{OP} = \underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{PS} = k\overrightarrow{PT}$, $\overrightarrow{OS} = h\overrightarrow{OR}$.

(i) Ungkapkan $\overrightarrow{PS}$ dalam sebutan k, $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$.
Express $\overrightarrow{PS}$ *in terms of* k, $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$.

(ii) Ungkapkan $\overrightarrow{PS}$ dalam sebutan h, $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$.
Express $\overrightarrow{PS}$ *in terms of* h, $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$.

(iii) Seterusnya, cari nilai bagi h dan k.
Hence, find the value of h *and of* k.

[6 markah]
[6 *marks*]

6 (*a*) Diberi $y = x(5 - x)$, ungkapkan $y\dfrac{d^2y}{dx^2} + \left(\dfrac{dy}{dx}\right)^2 + 15$ dalam sebutan teringkas.

Given $y = x(5 - x)$, *express* $y\dfrac{d^2y}{dx^2} + \left(\dfrac{dy}{dx}\right)^2 + 15$ *in its simplest form.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Luas segi empat sama dengan sisi x cm menokok pada kadar 3 cm^2s^{-1}. Cari kadar perubahan sisi apabila luasnya ialah 9 cm^2.

The area of a square with side x cm *increases at a rate of* 3 cm^2s^{-1}. *Find the rate of change of its side when the area is* 9 cm^2.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

7 Rajah 4 menunjukkan corak bulatan pada jubin dinding dengan menggunakan lapan sektor yang kongruen dengan jejari 10 cm.

Diagram 4 *shows the circular pattern on the wall tiles using eight congruent sectors with a radius of* 10 cm.



Rajah 4
Diagram 4

Cari luas kawasan berlorek.

Find the area of the shaded region.

[Guna / *Use* $\pi = 3.142$]

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

8 Penyelesaian secara lukisan berskala dan vektor **tidak** diterima.
Solutions by scale drawing and vectors are **not** *accepted.*

Koordinat bagi titik A, B dan C masing-masing ialah (0, 1), (2, 5) dan (6, −1).
The coordinates of points A, B and C are (0, 1), (2, 5) *and* (6, −1) *respectively.*

Cari
Find

(*a*) persamaan garis lurus yang melalui titik A dan titik tengah BC,
the straight line equation that passes through point A and the midpoint BC,

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) luas segi tiga ABC,
the area of triangle ABC,

[2 markah]
[2 *marks*]

(*c*) persamaan lokus bagi satu titik bergerak $P(x, y)$ supaya jaraknya dari titik A dan titik C adalah sama.
the equation of locus of a moving point P (x, y) such that its distance from point A and point C are the same.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

9 (*a*) Cari bilangan nombor ganjil yang dapat dibentuk daripada semua angka 5, 2, 4, 6 dan 8 dengan semua angka selain 5 muncul tepat dua kali.

Find the number of odd numbers that can be formed from all the digits 5, 2, 4, 6 *and* 8 *with all the digits except* 5 *appearing exactly twice.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Rajah 5 menunjukkan tiga garis lurus, l_1, l_2 dan l_3.

Diagram 5 *shows three straight lines,* l_1, l_2 *and* l_3.



Rajah 5
Diagram 5

Diberi 3 titik berada pada garis l_1, 3 titik berada pada garis l_2 dan 2 titik berada pada garis l_3. Jika titik-titik dari setiap garis itu digunakan untuk membentuk suatu poligon,

It is given that 3 *points lie on line* l_1, 3 *points lie on line* l_2, *and* 2 *points lie on line* l_3. *If the points from each line are used to form a polygon,*

cari bilangan

find the number of

(i) segi tiga yang dapat dibentuk,
triangles that can be formed,

(ii) segi empat yang dapat dibentuk.
quadrilaterals that can be formed.

[5 markah]
[5 *marks*]

10 Diberi bahawa $\frac{d}{dx}\left(\frac{2x}{1-3x}-5\right)=f(x)$, cari $\int_{-2}^{1} 3f(x)\,dx$.

It is given that $\frac{d}{dx}\left(\frac{2x}{1-3x}-5\right)=f(x)$, *find* $\int_{-2}^{1} 3f(x)\,dx$.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

11 Suatu lengkung dengan fungsi kecerunan $x - \frac{27}{x^2}$, mempunyai titik pegun $(m, 3)$.

A curve with gradient function $x - \frac{27}{x^2}$, *has a stationary point* $(m, 3)$.

(*a*) Cari nilai m.

Find the value of m.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Seterusnya, tentukan sifat titik pegun tersebut.

Hence, determine the nature of the stationary point.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

12 Dalam satu tinjauan, didapati 3 daripada 4, tayar kereta jenama *A* mempunyai jangka hayat lebih 4 tahun. Satu sampel mengandungi *n* tayar kereta jenama *A* dipilih secara rawak.
Jika kebarangkalian semua tayar kereta bertahan lebih 4 tahun ialah 0.5625,

In a survey, it is found that 3 *out of* 4 *brand A car tyres have a life span of more than* 4 *years. A sample consisting of n car tyres of brand A is chosen at random.*
If the probability that all the car tyres lasted more than 4 *years is* 0.5625,

(*a*) cari nilai *n*,

find the value of n,

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) hitung min jangka hayat bagi tayar kereta jenama *A*.

calculate the mean of life span for brand A car tyres.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

Bahagian B

[16 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **tiga** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

13 (*a*) Rajah 6 menunjukkan graf fungsi $f(x) = |3x - 2|$ bagi domain $-1 \leq x \leq 6$.

Diagram 6 shows the graph of function $f(x) = |3x - 2|$ *for the domain* $-1 \leq x \leq 6$.



Rajah 6

Diagram 6

(i) Cari imej bagi -1 dan 6.

Find the image of -1 *and of* 6.

(ii) Lakarkan graf $g(x) = 2 - f(x)$ untuk domain $-1 \leq x \leq 6$.

Sketch the graph $g(x) = 2 - f(x)$ *for the domain* $-1 \leq x \leq 6$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

(*b*) Diberi bahawa fungsi gubahan $hk : x \to 3x + 5$ dan $h : x \to \frac{2}{x-3}$, $x \neq 3$, tentukan fungsi $k(x)$.

Given that composite function $hk : x \to 3x + 5$ *and* $h : x \to \frac{2}{x-3}$, $x \neq 3$, *determine the function* $k(x)$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

14 (*a*) Selesaikan persamaan $2^{x+6} - 2^{x+5} = 4$.

Solve the equation $2^{x+6} - 2^{x+5} = 4$.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa $\log_2 m - \log_{16} n = 4$, ungkapkan m dalam sebutan n.

It is given that $\log_2 m - \log_{16} n = 4$, *express* m *in terms of* n.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Nisbahkan penyebut

Rationalise the denominator

$$\frac{2+\sqrt{5}}{2-\sqrt{5}}$$

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

15 (*a*) Diberi bahawa $\sin \alpha = p$, dengan keadaan α ialah sudut tirus. Ungkapkan sek α dalam sebutan p.

It is given that $\sin \alpha = p$, *where* α *is an acute angle. Express* sec α *in terms of* p.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Buktikan bahawa $\dfrac{1 - \sin x}{2 \text{ kos } x} + \dfrac{\text{kos } x}{2 - 2 \sin x} = \text{sek } x$.

Prove that $\dfrac{1 - \sin x}{2 \cos x} + \dfrac{\cos x}{2 - 2 \sin x} = \sec x$.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Dengan menggunakan nisbah trigonometri, cari nilai bagi kos 840°.

By using trigonometric ratio, find the values of cos 840°.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer*:

SELANGOR SET1 K2

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

NAMA ..... TINGKATAN .....

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3472/2

MATEMATIK TAMBAHAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **tiga** *bahagian*: **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C.**
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.*
6. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
7. *Kerja mengira* **mesti** *ditunjukkan.*
8. *Jadual Kebarangkalian Hujung Atas Q(z) Bagi Taburan Normal N(0,1) disediakan di halaman* **4.**
9. **Kertas peperiksaan** *ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	6	
2	6	
3	7	
4	7	
5	9	
6	7	
7	8	
JUMLAH	**50**	
BAHAGIAN B		
8	10	
9	10	
10	10	
11	10	
JUMLAH	**30**	
BAHAGIAN C		
12	10	
13	10	
14	10	
15	10	
JUMLAH	**20**	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Bahagian A

[50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Rajah 1 menunjukkan sebuah taman bunga berbentuk gabungan dua segi empat sama yang dimiliki oleh Cik Deviyna.

Diagram 1 *shows a flower garden in the shape of a combination of two squares owned by Ms. Deviyna.*



Rajah 1
Diagram 1

Jika dia mempunyai pagar sepanjang 120 m untuk memagari 720 m^2 kawasan tamannya, cari nilai x dan y.

If she has a fence of length 120 m *to fence the* 720 m^2 *area of her garden, find the value of* x *and of* y.

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

2 (*a*) Diberi bahawa $\log_{\sqrt{x}} 9 = s$ dan $\log_y 3 = t$, ungkapkan $\log_9 x^8 y^7$ dalam sebutan s dan/atau t.
It is given that $\log_{\sqrt{x}} 9 = s$ *and* $\log_y 3 = t$, *express* $\log_9 x^8 y^7$ *in terms of s and/or t.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Sebuah bank membayar faedah tahunan sebanyak 4.3% kepada akaun-akaun simpanan. Akaun simpanan *M* mempunyai baki RM10 000. Hitungkan bilangan tahun yang diperlukan supaya baki akaun *M* melebihi RM70 000. Diberi formula untuk menghitung jumlah simpanan, p, selepas q tahun ialah $p = 10\,000(1.043)^q$.

A bank pays 4.3% *of interest per annum for its saving accounts. Saving account M has a balance of* RM10 000. *Calculate the years required for the account to exceed* RM70 000. *Given the formula to calculate the total saving, p, after q years is* $p = 10\,000(1.043)^q$.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

3 (*a*) Diberi bahawa $f(x) = -\sqrt{2x-9}$, $x \geq \frac{9}{2}$ mempunyai fungsi songsang $f^{-1}(x)$,

It is given that $f(x) = -\sqrt{2x-9}$, $x \geq \frac{9}{2}$ *has inverse function* $f^{-1}(x)$,

(i) berikan justifikasi bagi kewujudan $f^{-1}(x)$.
give justification for the existence of $f^{-1}(x)$.

(ii) tentukan $f^{-1}(x)$ dan domainnya.
determine $f^{-1}(x)$ *and its domain.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) Diberi bahawa $f:x \to \frac{2}{x}$, $x \neq 0$ dan $gf:x \to 3x$. Cari

It is given that $f:x \to \frac{2}{x}$, $x \neq 0$ *and* $gf:x \to 3x$. *Find*

(i) $g(x)$,

(ii) $g^{2n+1}(x)$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

4 (*a*) Rajah 2 menunjukkan suatu lengkung $y = -x^2 + 4x - 3$ bersilang dengan satu garis lurus $y = mx + 6$ pada dua titik yang berbeza.

Diagram 2 shows a curve $y = -x^2 + 4x - 3$ *intersecting a straight line* $y = mx + 6$ *at two different points.*



Rajah 2
Diagram 2

Cari julat nilai *m* dengan menggunakan kaedah garis nombor.

Find the range of the values of m by using the number line method.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) (i) Lakarkan graf bagi $g(x) = 3(x + 5)^2 - 48$.
Sketch the graph of $g(x) = 3(x + 5)^2 - 48$.

(ii) Diberi bahawa $h(x) = 3(x + p)^2 + q$, nyatakan julat nilai p dan q jika graf $h(x)$ berada di sebelah kiri $g(x)$ dan kedudukan titik minimum $h(x)$ lebih rendah daripada $g(x)$.
It is given that $h(x) = 3(x + p)^2 + q$, *state the range of values of* p *and of* q *if the graph of* $h(x)$ *is on the left of* $g(x)$ *and the position of the minimum point of* $h(x)$ *is lower than* $g(x)$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

5 (*a*) Lakarkan graf bagi $y = 2\text{kos } 2x + 2$ untuk $0 \le x \le \pi$.
Sketch the graph of $y = 2\cos 2x + 2$ *for* $0 \le x \le \pi$.

Seterusnya dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis yang sesuai untuk mencari bilangan penyelesaian bagi persamaan kos $2x = \frac{x}{\pi} - 1$, $0 \le x \le \pi$. Nyatakan bilangan penyelesaian itu.

Hence, using the same axes, sketch a suitable line to find the number of solutions for the equation $\cos 2x = \frac{x}{\pi} - 1$, $0 \le x \le \pi$. *State the number of the solutions.*

[5 markah]
[5 *marks*]

(*b*) Selesaikan persamaan bagi kos $2x + \frac{\sin x}{2} = \text{kos}^2 x$ bagi $0° \le x \le 360°$.

Solve the equation for $\cos 2x + \frac{\sin x}{2} = \cos^2 x$ *for* $0° \le x \le 360°$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

6 (*a*) Diberi bahawa fungsi kecerunan suatu lengkung ialah $\left(x + \frac{2}{x}\right)^2$. Lengkung itu melalui titik (1, 1). Cari fungsi lengkung itu.

It is given that the gradient function of a curve is $\left(x + \frac{2}{x}\right)^2$. *The curve passes through point* (1, 1). *Find the function of the curve.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) Rajah 3 menunjukkan suatu lengkung, $y = -x^3 - x^2 + 3$ dan satu garis lurus $y = -2x + 3$ bersilang pada titik $A(-2, 7)$ dan titik B dengan keadaan titik B terletak pada paksi-y.

Diagram 3 shows a curve, $y = -x^3 - x^2 + 3$ *and a straight line* $y = -2x + 3$ *intersect at point* $A(-2, 7)$ *and point B where point B lies on the y-axis.*



Rajah 3
Diagram 3

Cari luas rantau berlorek.

Find the area of the shaded region.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

7 (*a*) Rajah 4 menunjukkan vektor $\overrightarrow{PQ}$ yang dilukis pada suatu satah Cartes.
Diagram 4 shows the vector $\overrightarrow{PQ}$ drawn on a Cartesian plane.



Rajah 4
Diagram 4

Cari vektor unit dalam arah $\overrightarrow{PQ}$.

Find the unit vector in the direction of $\overrightarrow{PQ}$.

[2 markah]
[2 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) Rajah 5 menunjukkan suatu sisi empat *ABCD*. *AED* dan *EFC* merupakan garis lurus.
Diberi bahawa $\overrightarrow{AB} = 20\underset{\sim}{x}$, $\overrightarrow{AE} = 8\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{DC} = 25\underset{\sim}{x} - 24\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{AE} = \frac{1}{4}\overrightarrow{AD}$ dan $\overrightarrow{EF} = \frac{3}{5}\overrightarrow{EC}$.

Diagram 5 shows a quadrilateral ABCD. AED and EFC are straight lines.
It is given that $\overrightarrow{AB} = 20\underset{\sim}{x}$, $\overrightarrow{AE} = 8\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{DC} = 25\underset{\sim}{x} - 24\underset{\sim}{y}$, $\overrightarrow{AE} = \frac{1}{4}\overrightarrow{AD}$ *and* $\overrightarrow{EF} = \frac{3}{5}\overrightarrow{EC}$.



Rajah 5
Diagram 5

Ungkapkan dalam sebutan $\underset{\sim}{x}$ dan $\underset{\sim}{y}$:
Express in terms of $\underset{\sim}{x}$ *and* $\underset{\sim}{y}$:

(i) $\overrightarrow{BD}$

(ii) $\overrightarrow{EC}$

(iii) Seterusnya, tunjukkan bahawa titik-titik *B*, *F* dan *D* adalah segaris.
Hence, show that the points B, F and D are collinear.

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

Bahagian B

[30 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **tiga** *soalan.*

8 (*a*) Diberi bahawa $f(x) = 3x(2x + 6)^6$, cari $f'(x)$.
It is given that $f(x) = 3x(2x + 6)^6$, *find* $f'(x)$.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa $y = 5x^2$, cari $\frac{dy}{dx}$ dengan menggunakan prinsip pertama.
It is given that $y = 5x^2$, *find* $\frac{dy}{dx}$ *by using the first principles.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Rajah 6 menunjukkan suatu lengkung $y = \frac{2x - 8}{x - 2}$ dan garis lurus $y = 3hx$. Diberi bahawa garis lurus $y = 3hx$ selari dengan tangen kepada lengkung itu pada titik $R(6, 1)$.
Diagram 6 *shows a curve* $y = \frac{2x - 8}{x - 2}$ *and straight line* $y = 3hx$. *It is given that the straight line* $y = 3hx$ *is parallel to the tangent to the curve at point* $R(6, 1)$.



Rajah 6
Diagram 6

Cari nilai h. Seterusnya, nyatakan nilai kecerunan normal pada titik R.
Find the value of h. *Hence, state the value of gradient of normal at point* R.

[5 markah]
[5 *marks*]

9 Penyelesaian secara lukisan berskala dan vektor **tidak** diterima.
*Solutions by scale drawing and vectors are **not** accepted.*

Rajah 7 menunjukkan kedudukan empat kon dalam satu tapak lapang.
Diagram 7 shows the position of four cones in an open space.



Rajah 7
Diagram 7

(*a*) Sebuah kereta *W* bergerak dalam bentuk bulatan berpusat kon *P* dan melalui kon *S*. Cari persamaan lokus bagi kereta *W*.
A car W moves in circular motion centered at cone P and passes through cone S. Find the equation of the locus of car W.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*b*) Diberi bahawa satu kon baharu diletakkan di antara kon *P* dan kon *R*, di titik $A(h, -2)$ dengan keadaan $PA : AR = 2 : 1$. Cari nilai *h* dan nilai *k*.
It is given that a new cone is placed between cone P and cone R, at point $A(h, -2)$ where $PA : AR = 2 : 1$. Find the value of h and of k.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Diberi bahawa luas yang dibatasi oleh segi tiga yang terdiri daripada kon *Q*, *S* dan titik $T(t, 3)$ ialah 30 unit^2. Cari nilai-nilai *t*.
It is given that the area bounded by the triangle formed by the cones Q, S and point $T(t, 3)$ is 30 unit^2. *Find the values of t.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(*d*) Satu jalan lurus berserenjang dengan garis lurus PQ dan melalui titik (8, 2) dibina. Tentukan persamaan bagi jalan lurus tersebut.

A straight road that is perpendicular to the straight line PQ and passes through point (8, 2) *is built. Determine the equation of the straight road.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

10 Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah, x dan y, yang diperoleh daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah x dan y dihubungkan oleh persamaan $y = \dfrac{3}{px + 6q}$, dengan keadaan p dan q adalah pemalar.

Table 1 *shows the values of two variables, x and y, obtained from an experiment. Variables x and y are related by the equation* $y = \dfrac{3}{px + 6q}$, *where p and q are constants.*

x	2	3	4	5	6
y	2.6	3.4	5.6	6.3	14.3

Jadual 1
Table 1

(*a*) Plot $\dfrac{1}{y}$ melawan x, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi-x dan 2 cm kepada 0.05 unit pada paksi-$\dfrac{1}{y}$. Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik.

Plot $\dfrac{1}{y}$ *against x, using scale* 2 cm *to* 1 unit *on the x-axis and* 2 cm *to* 0.05 unit *on the* $\dfrac{1}{y}$*-axis. Hence, draw the line of best fit.*

[4 markah]
[4 *marks*]

(*b*) Gunakan graf di **10**(*a*) untuk mencari:
Use the graph in **10**(*a*) *to find*:

(i) nilai p dan nilai q,
the value of p and of q,

(ii) nilai y yang betul jika satu daripada nilai y telah tersalah catat semasa eksperimen.
the correct value of y if one of the values of y has been wrongly recorded during the experiment.

[6 markah]
[6 *marks*]

11 (*a*) Sebuah kilang menghasilkan komponen elektronik. Didapati 10% daripada produk itu rosak.
A factory produces an electronic component. It is found that 10% *of the product are defective.*

(i) Jika 8 sampel alat elektronik dipilih secara rawak, hitung kebarangkalian bahawa tepat 6 komponen alat elektronik itu rosak.
If a sample of 8 *electronic components are randomly selected, calculate the probability that exactly* 6 *electronic components are defective.*

(ii) Hitung bilangan minimum komponen elektronik yang diuji supaya kebarangkalian untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 1 komponen elektronik yang rosak adalah lebih besar daripada 0.85.
Calculate the minimum number of electronic component that has to be tested so that the probability of obtaining at least one defective electronic component is greater than 0.85.
[5 markah]

(*b*) (i) Rajah 8 menunjukkan dua lengkung taburan normal *A* dan *B* dengan min 200. Lengkung-lengkung tersebut diwakili oleh data berikut.
Diagram 8 *shows two curves of normal distribution A and B with a mean of* 200. *The curves are represented by the following data.*

Data	*n*	*p*
K	400	0.5
L	300	$\frac{2}{3}$



Rajah 8
Diagram 8

Tentukan lengkung mana yang sesuai untuk data *K*. Terangkan jawapan anda.
Determine which curve is suitable for the data K. Explain your answer.

(ii) Suatu pemboleh ubah rawak selanjar $X \sim N(\mu, 25)$ bersimetri pada $X = 12$. Nyatakan nilai μ. Seterusnya, lakar graf taburan normal piawai itu dan lorekkan kawasan yang mewakili $P(10 < X < 25)$.
A continuous random variable $X \sim N(\mu, 25)$ *symmetrical at* $X = 12$. *State the value of* μ. *Hence, sketch the standard normal distribution graph and shade the region representing* $P(10 < X < 25)$.

[5 markah]
[5 *marks*]

Bahagian C

[20 *markah*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **dua** *soalan.*

12 Suatu zarah bergerak dalam garis lurus dan melalui titik tetap O. Halajunya, $v\,\text{ms}^{-1}$, diberi oleh $v = -t^2 + 5t + 6$, dengan keadaaan t ialah masa, dalam saat, selepas zarah itu meninggalkan O. [Anggapkan pergerakan ke arah kanan adalah positif.]

A particle moves in a straight line and passes through a fixed point O. Its velocity, $v\,\text{ms}^{-1}$, *is given by* $v = -t^2 + 5t + 6$, *where t is the time, in seconds, after the particle leaving O.* [*Assume motion to the right is positive.*]

(*a*) Cari
Find

(i) julat masa, dalam saat, semasa zarah itu bergerak ke arah kanan,
the time interval, in seconds, during which the particle moves towards the right,

(ii) halaju maksimum zarah itu.
the maximum velocity of the particle.

[5 markah]
[5 *marks*]

(*b*) Tentukan jarak maksimum, dalam m, zarah itu dari titik O dan nyatakan masanya, dalam saat.
Determine the maximum distance, in m, *of the particle from point O and state its time, in seconds.*

[5 markah]
[5 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

13 Jadual 2 menunjukkan indeks harga dan pemberat bagi tiga jenis bahan, *A*, *B* dan *C* untuk penghasilan sebiji kek pada tahun 2023 berasaskan tahun 2021.

Table 2 shows the price indices and weightages of three items, A, B and C for producing a cake in the year 2023 based on the year 2021.

Bahan ***Ingredient***	*A*	*B*	*C*
Indeks Harga ***Price Index***	95	120	130
Pemberat ***Weightage***	*x*	*y*	*z*

Jadual 2
Table 2

(*a*) Diberi indeks gubahan bagi bahan *A* dan *B* pada tahun 2023 berasaskan tahun 2021 ialah 110 manakala bagi bahan *A* dan *C* ialah 120. Cari nisbah $x : y : z$.

Given the composite index for ingredients A and B in the year 2023 based on the year 2021 is 110 while for ingredients A and C is 120. Find the ratio $x : y : z$.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Seterusnya, kira indeks gubahan bagi bahan-bahan tersebut pada tahun 2023 berasaskan tahun 2021.

Hence, calculate the composite index for the ingredients in the year 2023 based on the year 2021.

[2 markah]
[2 *marks*]

(*c*) Jika harga sebiji kek pada tahun 2023 ialah RM40.50, cari harganya pada tahun 2021.

If the price of a cake in the year 2023 is RM40.50, *find its price in the year 2021.*

[2 markah]
[2 *marks*]

(*d*) Kos keseluruhan bahan meningkat 40% dari tahun 2023 ke tahun 2024. Hitung peratus perubahan dalam kos keseluruhan bahan dari tahun 2021 ke tahun 2024.

The cost of all ingredients increase by 40% from the year 2023 to the year 2024. Calculate the percentage of change in cost of all ingredients from the year 2021 to the year 2024.

[3 markah]
[3 *marks*]

14 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.
*Solutions by scale drawing is **not** accepted.*

Rajah 9 menunjukkan sebuah segi tiga *ABC*. *ADFB*, *AEC* dan *BGC* adalah garis lurus dan *FG* berserenjang dengan *BC*. $BD = 17$ cm, $DA = 15$ cm, $AE = 12$ cm, $BG = FG$ dan $\angle BAC = 80°$.
Diagram 9 shows a triangle ABC. ADFB, AEC and BGC are straight lines and FG is perpendicular to BC. $BD = 17$ cm, $DA = 15$ cm, $AE = 12$ cm, $BG = FG$ *and* $\angle BAC = 80°$.



Rajah 9
Diagram 9

(*a*) Kira panjang
Calculate the length of

(i) *DE*

(ii) *EC*

[5 markah]
[5 *marks*]

(*b*) Luas segi tiga *DAE* adalah dua kali ganda luas *BFG*, hitungkan panjang *BG*.
Area of triangle DAE is two times the area of BFG, calculate the length of BG.

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Lakarkan segi tiga *ABC* yang mempunyai bentuk berbeza dengan keadaan $A'B' = AB$, $A'C' = AC$ dan $\angle A'B'C' = \angle ABC$.
Seterusnya, kira $\angle B'C'A'$.
Sketch the triangle ABC which has different shape with $A'B' = AB$, $A'C' = AC$ *and* $\angle A'B'C' = \angle ABC$.
Hence, calculate $\angle B'C'A'$.

[2 markah]
[2 *marks*]

15 Sebuah kedai kasut membeli dua jenama kasut, A dan B, daripada seorang pemborong masing-masing dengan harga RM18 dan RM12 sepasang kasut. Bilangan pasang kasut jenama A adalah sekurang-kurangnya satu pertiga bilangan pasang kasut jenama B. Kedai kasut itu hanya mempunyai modal RM12 000. Kedai itu ingin menjual kasut jenama A dan B masing-masing dengan harga RM30 dan RM18 sepasang, serta menetapkan jumlah keuntungan tidak kurang daripada RM3 600. Diberi x ialah bilangan pasang kasut jenama A dan y ialah bilangan pasang kasut jenama B.

A shoe store purchases two brands of shoes, A and B, from a wholesaler at prices of RM18 *and* RM12 *for a pair of shoes, respectively. The number of pairs of brand A shoes is at least one-third the number of pairs of brand B shoes. The shoe store's total capital for purchasing shoes is limited to* RM12 000. *The shoe store plans to sell brand A shoes for* RM30 *each pair and brand B shoes for* RM18 *each pair, with the condition that the total profit is not less than* RM3 600. *It is given that x is the number of pairs of brand A shoes and y is the number of pairs of brand B shoes.*

(*a*) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$, yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three inequalities, other than $x \geq 0$ *and* $y \geq 0$, *which satisfy all the above constraints.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*b*) Menggunakan skala 2 cm kepada 100 pasang kasut pada kedua-dua paksi, bina dan lorek rantau $\boldsymbol{R}$ yang memenuhi semua kekangan di atas.

Using a scale of 2 cm *to* 100 *pairs of shoes on both axes, construct and shade the region* $\boldsymbol{R}$ *which satisfies all the above constraints.*

[3 markah]
[3 *marks*]

(*c*) Gunakan graf yang dibina di **15**(*b*), cari
Use the graph constructed in **15**(*b*), *find*

(i) bilangan minimum pasang kasut jenama A yang perlu dijual.
the minimum number of pairs of brand A shoes that should be sold.

(ii) keuntungan maksimum jika 400 pasang kasut jenama A dijual.
the maximum profit if 400 *pairs of brand A shoes are sold.*

[4 markah]
[4 *marks*]

SELANGOR SET1 K2

NO. KAD PENGENALAN | | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

NAMA ..... TINGKATAN .....

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3472/2

MATEMATIK TAMBAHAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **tiga** *bahagian*: **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C.**
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.*
6. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
7. *Kerja mengira* **mesti** *ditunjukkan.*
8. *Jadual Kebarangkalian Hujung Atas $Q(z)$ Bagi Taburan Normal $N(0,1)$ disediakan di halaman* **4**.
9. **Kertas peperiksaan** *ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	6	
2	6	
3	7	
4	7	
5	9	
6	7	
7	8	
JUMLAH	50	
BAHAGIAN B		
8	10	
9	10	
10	10	
11	10	
JUMLAH	30	
BAHAGIAN C		
12	10	
13	10	
14	10	
15	10	
JUMLAH	20	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Kertas peperiksaan ini mengandungi 36 halaman bercetak.

Bahagian A

[50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Rajah 1 menunjukkan sebuah taman bunga berbentuk gabungan dua segi empat sama yang dimiliki oleh Encik Ashviyn.

Diagram 1 *shows a flower garden in the shape of a combination of two squares owned by Mr. Ashviyn.*



Rajah 1
Diagram 1

Jika dia mempunyai pagar sepanjang 100 m untuk memagari 500 m^2 kawasan tamannya, cari nilai x dan y.

If he has a fence of length 100 m *to fence the* 500 m^2 *area of his garden, find the value of* x *and of* y.

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

2 Diberi bahawa $\log_{10} xy^2 = 2$ dan $\log_{10} \frac{x^3}{y} = 4$.

Cari nilai bagi $\log_{10} \sqrt{xy}$.

It is given that $\log_{10} xy^2 = 2$ *and* $\log_{10} \frac{x^3}{y} = 4$.

Find the value of $\log_{10} \sqrt{xy}$.

[6 markah]
[6 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

3 (*a*) Diberi bahawa $f(x) = \sqrt{3x-5}$, $x \geq \frac{5}{3}$ mempunyai fungsi songsang $f^{-1}(x)$,

It is given that $f(x) = \sqrt{3x-5}$, $x \geq \frac{5}{3}$ *has inverse function* $f^{-1}(x)$,

(i) berikan justifikasi bagi kewujudan $f^{-1}(x)$.
give justification for the existence of $f^{-1}(x)$.

(ii) tentukan $f^{-1}(x)$ dan domainnya.
determine $f^{-1}(x)$ *and its domain.*

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) Diberi bahawa $f:x \to \frac{1}{x}$, $x \neq 0$ dan $gf:x \to 2x$.

It is given that $f:x \to \frac{1}{x}$, $x \neq 0$ *and* $gf:x \to 2x$.

Cari
Find

(i) $g(x)$,

(ii) $g^{2n}(x)$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

4 (*a*) Rajah 2 menunjukkan suatu lengkung $y = -x^2 + 2x - 1$ dan satu garis lurus $y = mx + 3$.
Diagram 2 shows a curve $y = -x^2 + 2x - 1$ *and a straight line* $y = mx + 3$.



Rajah 2
Diagram 2

Cari julat nilai *m* dengan menggunakan kaedah garis nombor dengan keadaan garis lurus tidak menyentuh lengkung.
Find the range of the values of m by using the number line method such that the straight line does not touch the curve.

[3 markah]
[3 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

(*b*) (i) Lakarkan graf bagi $g(x) = 2(x+3)^2 - 8$.
Sketch the graph of $g(x) = 2(x+3)^2 - 8$.

(ii) Diberi bahawa $h(x) = 2(x+p)^2 + q$, nyatakan julat nilai p dan q jika graf $h(x)$ berada di sebelah kanan $g(x)$ dan kedudukan titik minimum $h(x)$ lebih tinggi daripada $g(x)$.
It is given that $h(x) = 2(x+p)^2 + q$, *state the range of values of* p *and of* q *if the graph of* $h(x)$ *is on the right of* $g(x)$ *and the position of the minimum point of* $h(x)$ *is higher than* $g(x)$.

[4 markah]
[4 *marks*]

Jawapan / *Answer* :

5 (*a*) Lakarkan graf bagi $y = 1 - \text{kos } 2x$ untuk $0 \le x \le 2\pi$.
